

## Soalan Lazim: Peneraju Tunas BRIDGE Karisma IPTA 2021/2022

1	Maklumat Am
1.1	<b>Apakah itu program Peneraju Tunas BRIDGE Karisma?</b>  Peneraju Tunas BRIDGE Karisma adalah inisiatif Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera untuk membangunkan pelajar Bumiputera di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang terdiri daripada latar belakang keluarga kurang berkemampuan untuk masa depan yang lebih mampu. Program ini menyediakan sijil kemahiran digital yang boleh meningkatkan kebolehpasaran peserta.
1.2	<b>Apakah kandungan program ini?</b>  Terdapat dua komponen dibawah inisiatif ini iaitu <b>Digital Literacy Programme (DLP)</b> dan <b>Nurture and Development Programme (NDP)</b> .  <i>Digital Literacy Programme (DLP)</i> adalah pendedahan kepada program kemahiran digital yang bersesuaian untuk membantu peserta mempraktikkan penggunaan digital semasa pengajian dan dalam kerjaya mereka. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran berfikiran aras tinggi untuk menghadapi cabaran digital dan globalisasi semasa.  <i>Nurture and Development Programme (NDP)</i> adalah program penerapan dan pemupukan kemahiran insaniah dan nilai kepimpinan yang bersesuai untuk meningkatkan potensi peserta dan meningkatkan kebolehpasaran graduan.
1.3	<b>Siapa yang layak untuk program ini?</b>  Penerima program ini dipilih berdasarkan kriteria berikut: <ul style="list-style-type: none"><li>• Bumiputera</li><li>• Berlatar belakang keluarga B40 (Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM4,850.00 sebulan).</li><li>• Sedang melanjutkan pelajaran di IPTA terpilih pada peringkat diploma atau ijazah sarjana muda.</li><li>• Terbuka pada pelajar tahun satu dan dua (semasa permohonan).</li><li>• Mempunyai komputer / komputer riba dan akses internet yang baik.</li><li>• Mampu memberi komitmen sepenuhnya sepanjang program ini.</li></ul>
1.4	<b>Apakah hasil pembelajaran yang dijangkakan daripada program tersebut?</b>  Dalam <i>Digital Literacy Programme (DLP)</i> , peserta akan mempelajari kemahiran menganalisa data dengan menggunakan perisian seperti Microsoft Excel dan Tableau yang digunakan oleh kebanyakan organisasi.  <i>Nurture and Development Programme (NDP)</i> akan menerapkan kemahiran insaniah dan nilai kepimpinan yang bersesuaian untuk meningkatkan potensi peserta dan meningkatkan kebolehpasaran.  Selesai sesi program tersebut, peserta dijangka akan: <ul style="list-style-type: none"><li>• Mempunyai daya tahan mental dan emosi yang tinggi untuk menghadapi masa depan yang mencabar.</li><li>• Mampu bertenang di bawah tekanan semasa krisis berlaku dan dapat membuat keputusan kritikal secara rasional.</li><li>• Ubah minda kawalan kepada minda kepimpinan dan kolaboratif.</li><li>• Mengenalpasti dan memahami keutamaan dan gaya komunikasi orang lain.</li><li>• Mengaplikasikan keselamatan dalam talian, sekuriti, etika dan piawaian etika dan latihan dalam penggunaan ICT.</li><li>• Mengenalpasti tingkah laku dalam talian yang bersesuaian dan tidak bersesuaian.</li></ul>

1.5	<p><b>Apakah faedah menyertai program ini?</b></p> <p>Setelah pelajar menamatkan program ini, peserta akan menerima sijil yang akan dapat membantu meningkatkan kebolehpasaran mereka kepada bakal majikan.</p> <p>Sijil ini merupakan satu nilai tambah dan menandakan bahawa peserta ini mempunyai kemahiran dan pengetahuan tentang literasi digital dan nilai kepimpinan.</p>
1.6	<p><b>Adakah terdapat sebarang elaun untuk peserta?</b></p>
	<p>Tiada elaun diberikan kepada peserta semasa program dijalankan.</p>
1.7	<p><b>Siapa yang harus saya hubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang program ini?</b></p>
	<p>Anda boleh menghubungi pihak urusetia, Q3 Management Solutions di:</p>
	<p>Emel: <a href="mailto:karisma@q3solutions.com.my">karisma@q3solutions.com.my</a></p>
	<p>Talian: 03-61446633</p>
	<p>Whatsapp: 012-5753364 or 012-5973364</p>
2	<p><b>Permohonan dan Pendaftaran</b></p>
2.1	<p><b>Adakah temuduga akan dijalankan selepas permohonan untuk menyertai program ini?</b></p>
	<p>Tiada temuduga akan dijalankan untuk menyertai program ini. Peserta-peserta boleh menyertai program ini selagimana syarat-syarat yang ditetapkan dapat dipenuhi.</p>
2.2	<p><b>Bolehkah pelajar Lepasan Ijazah memohon untuk program ini?</b></p>
	<p>Program ini dibuka kepada pelajar yang sedang mengikuti pengajian di IPTA pada peringkat diploma atau ijazah sarjana muda sahaja.</p>
2.3	<p><b>Bolehkah pelajar bukan B40 menyertai program ini?</b></p>
	<p>Program ini ditawarkan khusus untuk pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga B40. Bagaimanapun, pertimbangan boleh diberikan kepada kumpulan bukan B40 bergantung kepada kekosongan dan kelulusan.</p>
2.4	<p><b>Bolehkah pelajar dari mana-mana bidang pengajian menyertai program ini?</b></p>
	<p>Ya, program ini terbuka kepada pelajar dari mana-mana bidang pengajian selagi mana mereka memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Yayasan Peneraju.</p>
2.5	<p><b>Berapakah yuran untuk program ini?</b></p>
	<p><b>TIADA</b> sebarang kos dikenakan atau ditanggung oleh peserta terpilih yang memenuhi syarat kerana program ini dibiayai sepenuhnya oleh Yayasan Peneraju.</p>
3.	<p><b>Penjadualan Kelas</b></p>
3.1	<p><b>Bilakah kelas ini akan dijalankan?</b></p>
	<p>Peserta boleh memilih jadual sesi kelas mereka melalui <i>Graduate Engagement System</i> (GES). Jika tiada pilihan jadual kelas yang bersesuaian, peserta boleh menghubungi pihak Q3. Sila rujuk jadual dalam profil anda di dalam sistem GES.</p>

	<p><b>3.2 Bilakah program akan bermula?</b></p> <p>Program ini dijangka bermula seminggu selepas Sesi <i>Onboarding</i> anda.</p> <p><b>3.3 Berapa lama program ini akan dijalankan?</b></p> <p>Program ini akan berjalan selama maksimum 6 bulan. Semua modul akan bermula serentak berdasarkan pilihan jadual.</p> <p><b>3.4 Berapakah tempoh masa setiap kelas akan dijalankan?</b></p> <p>Tempoh masa kelas adalah di antara 2 hingga 8 jam untuk setiap sesi, bergantung kepada modul yang akan dilalui.</p> <p><b>3.5 Apakah penjadualan untuk setiap kelas?</b></p> <p>Kelas akan dijadualkan setiap hujung minggu (Jumaat hingga Ahad). Anda boleh memilih masa kelas yang bersesuaian melalui <i>slot booking</i>. Kapasiti maksimum untuk setiap kelas ialah 30 orang.</p> <p><b>3.6 Bagaimana jika saya tidak dapat menghadiri kelas pada tarikh/masa tertentu?</b></p> <p>Sekiranya peserta tidak dapat menghadiri kelas, sila hubungi kami melalui <i>Graduate Engagement System</i>, <i>Slack channel</i>, email kami di <a href="mailto:karisma@q3solutions.com.my">karisma@q3solutions.com.my</a> atau <i>WhatsApp</i> kami di 012-5753364 / 012-5973364.</p> <p>Ketidakhadiran sesi kelas memerlukan alasan yang sah dan dokumen sokongan.</p> <p>Peserta boleh menghadiri kelas ganti pada jadual yang lain ataupun Jurulatih akan menyediakan rakaman kelas dan tugas tambahan kepada peserta sekiranya peserta tidak menghadiri kelas.</p>
<b>4 Pembelajaran</b>	<p><b>4.1 Apakah platform pembelajaran?</b></p> <p>Platform pembelajaran untuk kursus ini adalah melalui Zoom.</p> <p><b>4.2 Dimanakah saya boleh mendapatkan akses kepada nota dan bahan bacaan?</b></p> <p>Anda boleh mengakses nota dan bahan bacaan melalui sistem GES.</p> <p><b>4.3 Bagaimanakah kelas akan dijalankan?</b></p> <p>Kelas akan dijalankan secara maya melalui platform Zoom.</p> <p><b>4.4 Adakah program ini akan dijalankan secara dalam talian atau luar talian?</b></p> <p>Kelas untuk program ini akan dijalankan sepenuhnya dalam talian.</p> <p><b>4.5 Adakah peserta perlu membuka kamera semasa kelas?</b></p> <p>Para peserta digalakkan untuk menghidupkan kamera video semasa sesi pembelajaran untuk sesi pembelajaran yang lebih interaktif dan efektif.</p> <p><b>4.6 Adakah latihan akan dijalankan sepenuhnya dalam bahasa Inggeris?</b></p> <p>Latihan akan dijalankan dalam dwi-bahasa iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.</p>

<b>5.</b>	<b>Pensijilan</b>
<p><b>5.1 Apakah syarat minimum untuk pensijilan?</b></p> <p>Peserta dikehendaki menjalani sesi latihan yang dijadualkan sepenuhnya dan lulus penilaian, kuiz dan projek yang diperlukan untuk pensijilan. Tempoh modul adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➢ 12 minggu modul <i>Business Analytics Certification</i></li> <li>➢ 4 minggu modul <i>EQ for Mental Resilience</i></li> <li>➢ 4 minggu modul <i>Virtual Leadership</i></li> <li>➢ 4 minggu modul <i>Basic Online Security &amp; Internet Etiquette &amp; Ethics</i></li> </ul> <p><b>5.2 Adakah pensijilan program ini diiktiraf?</b></p> <p>Sijil <i>Business Analytics Certification (BAC)</i> ialah sijil industri yang diiktiraf yang dikeluarkan oleh <i>The Center of Applied Data Science (CADS)</i>. Peserta yang berjaya menamatkan kursus tersebut akan dianugerahkan Peneraju Tunas BRIDGE Karisma Business Analytics Certification (BAC) dan diiktiraf sebagai <i>Certified Enterprise Data Practitioner (EDP)</i>.</p> <p>DLP: <i>Certified Enterprise Data Practitioner (EDP)</i> yang diiktiraf industri NDP: Sijil Penyertaan / Sijil Tamat Kursus</p>	

#### **Senarai Universiti Awam:**

1. Universiti Malaya
2. Universiti Kebangsaan Malaysia
3. Universiti Teknologi Malaysia
4. Universiti Sains Malaysia
5. Universiti Putra Malaysia
6. Universiti Teknologi Mara
7. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
8. Universiti Malaysia Sabah
9. Universiti Malaysia Sarawak
10. Universiti Utara Malaysia
11. Universiti Pendidikan Sultan Idris
12. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
13. Universiti Teknikal Malaysia Melaka
14. Universiti Malaysia Perlis
15. Universiti Malaysia Terengganu
16. Universiti Malaysia Pahang
17. Universiti Sains Islam Malaysia
18. Universiti Sultan Zainal Abidin
19. Universiti Malaysia Kelantan
20. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia